

23 JAN 2002

PTP-Perumahan (Laporan khas - Bergambar)

PTP BELANJA RM87 JUTA BINA PERUMAHAN UNTUK PENDUDUK

JOHOR BAHRU, 23 Jan (Bernama) -- Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), yang mendapat pujian daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lalu kerana pengurusan yang cemerlang, menambah satu lagi aspek kecemerlangan sebagai warga korporat yang prihatin.

PTP yang dianggap antara pelabuhan baru yang paling pesat berkembang di dunia, membelanjakan RM87 juta bagi membina sebuah taman perumahan untuk 450 penduduk mukim Tanjung Kupang yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi pembangunan pelabuhan itu.

Perumahan Desa Paya Mengkuang yang terletak di kawasan seluas kira-kira 32 hektar itu juga merangkumi balai polis yang lengkap dengan rumah pegawai dan anggota, dewan serbaguna, tadika, sekolah agama, masjid yang boleh memuatkan 1,000 jemaah, klinik desa moden dan tapak untuk sekolah kebangsaan.

Projek itu yang kini hampir siap dan dijangka boleh diduduki mulai Jun ini bagaimanapun bukanlah dibina percuma untuk penduduk yang terlibat, yang telahpun menerima pampasan kewangan masing-masing menjangkau ratusan ribu ringgit.

Namun ia ditawarkan untuk dibeli oleh penduduk terlibat dengan harga yang hampir mustahil untuk ditolak. Contohnya sebuah rumah teres dua tingkat empat bilik yang harga pasarannya RM210,000 seunit ditawarkan hanya dengan harga kos RM94,000 dan rumah teres dua tingkat tiga bilik tidur yang harga pasarannya RM85,000 ditawarkan hanya RM25,000 seunit.

Anggota Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Tanjung Kupang, Baharom Abdul Ghani ketika melancarkan jualan projek itu semalam berkata harga tawaran yang menarik itu dapat dibuat kerana PTP bukan sahaja memajukannya sendiri tetapi juga menanggung semua kos tanah bagi projek itu.

"Projek ini juga telah menyumbang begitu besar dalam menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi pembangunan PTP," katanya kepada Bernama di sini.

PTP mendirikan 193 unit rumah teres dua tingkat pada harga rumah kos rendah, 155 unit rumah teres dua tingkat empat bilik, 55 unit rumah teres setingkat dan 28 unit rumah kedai selain beberapa unit rumah pegawai dan anggota polis dan dua unit rumah jururawat klinik desa moden.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada PTP, Baharom berkata usaha murni PTP itu boleh dicontohi warga korporat yang lain dalam menjalankan tanggungjawab sosial mereka terhadap penduduk kampung.

Pengerusi PTP Datuk Mohd Taufik Abdullah pula berkata projek itu dijalankan dengan kos yang ditanggung sepenuhnya oleh PTP untuk penduduk berkenaan yang menurutnya telah "membuat pengorbanan besar" ke arah pembangunan PTP.

"Mereka telah membuat pengorbanan yang besar supaya pelabuhan kita dapat dibangunkan dengan cepat," katanya.

Menurutnya projek perumahan itu dibuat hasil perbincangan dengan Kerajaan Negeri yang setuju supaya penduduk ditempatkan semula tidak jauh daripada tanah asal mereka.

"Semua pemilihan dan harga rumah ditetapkan oleh sebuah jawatankuasa di peringkat Kerajaan Negeri," katanya.

Penghulu Mukim Tanjung Kupang Mohamad Yassin Hassan ketika menyambut baik projek itu berkata ia membuktikan bahawa dengan keazaman yang kuat dan keprihatinan terhadap masalah rakyat, syarikat swasta mampu membantu dalam banyak hal yang berkaitan dengan masalah rakyat.

"PTP membuktikan hakikat ini dengan baik dan meyakinkan... sudahlah membayar pampasan wang, membina dan menawarkan pula rumah kepada penduduk di sini dengan harga serendah itu," katanya.

Desa Paya Mengkuang, seperti namanya, mengekalkan keindahan persekitaran desa khasnya bagi Tanjung Kupang yang terkenal dengan buah dukunya yang sangat manis itu.

"Mungkin lebih penting daripada itu, Desa Paya Mengkuang menjadi satu contoh kejayaan projek penswastan kerajaan (pembinaan PTP) yang turut memberi manfaat besar kepada rakyat," kata Mohamad Yassin.

-- BERNAMA

MNY NMO